

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN ANYI NGAU (BARAM)

TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN ANYI NGAU [BARAM] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan pihak Kementerian berkenaan pengwujudan IPD di daerah Telang Usan dan Beluru yang telah dinaikkan taraf ke status daerah penuh sejak 5 tahun lepas. Nyatakan juga perancangan Kementerian berkenaan Balai Polis di daerah kecil Bario.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Beluru terletak di bawah pentadbiran Ibu Pejabat Daerah (IPD) Marudi manakala Telang Usan pula di bawah pentadbiran IPD Miri. Buat masa ini, jumlah penduduk di daerah Beluru adalah seramai 29,366 orang dan di daerah Telang Usan adalah seramai 25, 316 orang. Keluasan pentadbiran daerah Beluru ialah 4904 km persegi manakala daerah Telang Usan seluas 9829 km persegi.

Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan oleh pihak PDRM, Kementerian belum bercadang untuk mewujudkan IPD di daerah Telang Usan dan Beluru buat masa ini memandangkan tiada keperluan mendesak dan terdapat IPD berdekatan. Pada masa yang sama, Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan Edisi Tahun 2015, Jawatankuasa Standard dan Kos, Unit Perancang Ekonomi telah menetapkan sebuah IPD boleh dibangunkan jika jumlah jawatan pegawai dan anggota di kawasan berkenaan sekurang-kurangnya 150 orang dan pihak Kerajaan Negeri telah menyediakan tanah berkeluasan di antara 10-15 ekar untuk tujuan pembinaan IPD.